

Headline	Hasilkan produk berkualiti - Rosyam		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	30 Aug 2018	Color	Full Color
Section	Ekonomi	Circulation	112,050
Page No	16	Readership	336,150
Language	Malay	ArticleSize	187 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,730
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,190



## Hasilkan produk berkualiti - Rosyam

**KUALA LUMPUR 29 Ogos** - Setiap produk keluaran usahawan tempatan perlu dihasilkan dengan teliti dan berkualiti bagi mengelakkan berlakunya lambakkan makanan tambahan dalam pasaran yang akhirnya mengundang persepsi negatif daripada masyarakat.

Pengasas produk Adraa yang juga bintang filem terkenal, Datuk Rosyam Nor berkata, masalah itu timbul apabila penggunaan produk tersebut tidak memberikan hasil yang sepatutnya walaupun mendakwa produk mereka mujarab untuk memulihkan masalah kesihatan.

"Kita tidak boleh menyalahkan masyarakat kerana pandangan tersebut bersifat peribadi dan sesiapa sahaja boleh mengeluarkan kenyataan. Pada pendapat saya produk makanan tambahan yang

dihasilkan adalah untuk membantu kesihatan menjadi lebih baik tetapi pada masa sama mereka harus mendapat rawatan daripada doktor," katanya pada majlis pelancaran produk Adraa di sini hari ini.



**ROSYAM NOR**

Yang turut hadir, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Taman Teknologi Malaysia (TPM), Datuk Ir. Mohd. Azman Shahidin, Pengarah Bahagian Hortikultur Jabatan Pertanian Malaysia, Mohamad Idrus Ab. Hamid dan Penolong Pengarah Bahagian Infrastruktur Komersial Majlis Amanah Rakyat (MARA), Hasnan Harun.

Rosyam berkata, tiga produk Adraa iaitu Teh Daun Durian Belanda, Pati Buah dan Ekstrak Daun Graviola Gold serta Jus Minuman

Durian Belanda dihasilkan dengan kerjasama TPM dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) bagi menjamin mutu dan khasiat produk.

Menurut beliau, kilang mengeluarkan Adraa bertaraf Amalan Pengilangan Baik (GMP) serta dihasilkan mengikut piawaian antarabangsa dan memiliki sijil halal.

"Produk Adraa kini boleh didapati daripada pengedar, toko-toko jamu, membeli secara dalam talian dan dijual di pasar raya ST Rosyam. Harga sekotak Teh Daun Durian Belanda berharga RM85, Pati Buah dan Ekstrak Daun Graviola Gold (RM168) dan Jus Minuman Durian Belanda (RM5).

"Beberapa pengedar dari Singapura dan Brunei turut berminat untuk mendapatkan produk Adraa dan memorandum persefahaman (MoU) dijangka dimeterai pada tahun ini," katanya.